

01 MAR 2002

MSC-SERANTAU/I

MSC MAMPU BERTAHAN DGN KEMUNCULAN TAMAN-TAMAN IT LAIN

Oleh: M. Saraswathy

ADELAIDE, 1 Mac (Bernama) - Taman-taman teknologi maklumat (IT) sedang muncul yang sedang giat bercambah di rantau ini tidak akan membawa kesan negatif kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana ia sudah berdiri dengan kukuhnya, kata Bob Bishop, pengerusi dan CEO Silicon Graphics Inc, USA.

Negara-negara lain di dalam dan sekitar rantau Asia Tenggara tidak mempunyai sumber untuk mencapai seperti apa yang telah dicapai oleh Malaysia dengan MSCnya, katanya ketika ditanya mengenai kesan-kesan kemunculan taman-taman IT di Batam, Bali dan Filipina terhadap pertumbuhan MSC.

Beliau berkata, sejak lima tahun lalu, MSC telah mencatatkan kemajuan yang pesat dan kini ia boleh menjadi pusat kegiatan serantau bagi penubuhan pusat-pusat berteknologi tinggi. "MSC juga boleh menghubungkan perbadanan multinasional (MNC) kepada perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana di rantau ini," katanya.

"MSC mempunyai 640 syarikat yang sangat berjaya. Saya tidak fikir MSC menjangkakan sejumlah besar penyertaan itu yang mendahului jadual," katanya kepada Bernama di acara sampingan Kongres Dunia mengenai IT 2002, di sini, hari ini.

Bishop juga adalah anggota panel penasihat antarabangsa MSC.

Beliau mengaitkan pencapaian baik MSC itu kepada pembabitan secara peribadi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri anda sepatutnya berbangga dengan usaha-usaha gigih yang dibuat ketika tempoh tidak menentu dan kegawatan politik. Beliau tidak berdiam diri: beliau mengekalkan tumpuan dan komitmennya."

Sekarang krisis kewangan telahpun berakhir, Perdana Menteri sepatutnya telah melihat kelancaran dalam pembangunan MSC, katanya, sambil menambah sesiapa yang melawat MSC akan kagum dan terkejut dengan pencapaiannya hanya dalam tempoh waktu yang singkat sahaja.

Mengenai masa depan MSC, beliau berkata ianya sedang berkembang pesat dan semakin bertambah baik setiap tahun.

Beliau mencadangkan MSC sepatutnya menambahkan lebih banyak ciri-ciri seperti rangkaian kawasan visual (VAN) dan menyediakan kesemua para saintis dan jurutera dengan visualisasi berprestasi tinggi.

Apabila ditanya apakah jenis inisiatif yang perlu diusahakan oleh MSC untuk mengimbangi penurunan pasaran modal teroka, beliau berkata sukar untuk menyatakannya dan ianya perlu dikaji kerana masalah tersebut adalah unik bagi setiap negara.

"Anda perlu terus mencuba sekiranya anda tidak mendapat formula yang sesuai sejak hari pertama dan ianya bergantung kepada dana, dasar pencukaaian dan pasaran saham bagi syarikat-syarikat kecil yang memainkan peranan penting dalam kejayaan pemodal teroka dalam MSC," jelasnya.--

BERNAMA

SM SEL ZK